

MAHATHIR - STAR

(I)

1983

KUALA LUMPUR, 21 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BELIAU MEMANG TELAH MENJANGKA YANG AKHBAR +THE STAR+ AKAN MENERBITKAN LAPORAN +SENSASI+ MENGENAI KRITIKAN PARA PERWAKILAN UMNO TERHADAPNYA KERANA MENYATAKAN SOKONGAN BELIAU KEPADA DATUK MUSA HITAM.

+KALAU STAR TAK BUAT MACAM ITU, SAYA POTONG JARILAH,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA DENGAN DISAMBUS GELAK KETAWA SEMASA WAKTU RIHAT PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI HOTEL HILTON DI SINI.

+APA LAGI YANG HENDAK DIJANGKAKAN DARI STAR?+ KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI MENGULAS TAJUK UTAMA AKHBAR ITU HARI INI YANG MENYATAKAN +MAHATHIR UNDER FIRE+ (MAHATHIR DIKECAM) YANG DIIKUTI DENGAN LAPORAN BAHAWA PARA PERWAKILAN TELAH MENGGUNAKAN KATA-KATA SEPERTI +AUTOKRATIK+ KETIKA MENKRITIK BELIAU.

-- LAGI 1240/MB

ZCZC B340

MAHATHIR - STAR 2 KUALA LUMPUR

AKHBAR THE STAR JUGA MENJADI BAHAN TERTAWA APABILA Pengerusi PERHIMPUNAN, DATUK SULAIMAN NINAM SHAH, SEBELUM MENANGGUHKAN SIDANG UNTUK WAKTU RIHAT, MENARIK PERHATIAN PARA PERWAKILAN BAHAWA AKHBAR ITU KELUARAN HARI INI TELAH MEMUATKAN GAMBAR SEORANG WAKIL DAN MENYEBUT BAHAWA WAKIL ITU ADALAH BELIAU.

KATANYA KEPADA THE STAR: +ELOKLAH DIBUAT PEMBETULAN. ORANG YANG GAMBARNYA DISIARKAN ITU BUKANLAH SAYA KERANA SAYA TIDAK BERJANGGUT DAN BERMISAI DAN SAYA LEBIH +HANDSOME+ DARINYA.+

+KEBETULANNYA ORANG ITU ADALAH ANAK SAYA DAN SEKIRANYA THE STAR TIDAK MEMPUNYAI GAMBAR SAYA, DIPERSILAKAN MENGAMBILNYA SEKARANG,+ TAMBAH BELIAU DISAMBUS DENGAN GELAK KETAWA OLEH PARA PERWAKILAN. -- BERNAMA 1245/MB